

21 JUL 2000

Mahathir-Al-Ma'unah

KUMPULAN AL-MA'UNAH ADA HUBUNGAN RAPAT DENGAN PAS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kumpulan Al-Ma'unah, yang terlibat dalam rompakan senjata di Gerik pada 2 Julai lepas mempunyai hubungan rapat dengan Pas.

Katanya, kumpulan itu mengambil tindakan melakukan jenayah di Gerik dan Sauk kerana mendapat inspirasi daripada Pas setelah terpengaruh dengan dakwah parti pembangkang itu.

"Kita tak boleh lagi nafikan bahawa (kumpulan) Al-Ma'unah ini mendapat inspirasi daripada Pas dan mereka walaupun mungkin tidak dengan arahan daripada ketua parti Pas tetapi mereka terpengaruh dengan dakwah Pas," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini malam ini.

Mesyuarat MT selama tiga jam itu membincangkan dengan mendalam mengenai kejadian di Sauk dan kumpulan Al-Ma'unah yang terbabit dengannya.

Dr Mahathir berkata, kumpulan itu terpengaruh dengan dakwah Pas kononnya kerajaan yang diterajui oleh Umno adalah kafir, kononnya negara ini tidak Islam dan mereka perlu mencuba untuk mendirikan sebuah negara Islam.

Sekumpulan anggota Al-Ma'unah, yang menyamar sebagai anggota tentera telah merompak lebih seratus senjata api, bahan letupan dan peluru dari pos tentera Sungai Rui dan kem Batalion 304 Askar Wataniah di Gerik pada 2 Julai lepas sebelum berkubu di tempat persembunyian di Bukit Jenalek, Sauk, kira-kira 25 km dari Kuala Kangsar, Perak pada 2 Julai lepas.

Mereka kemudian menahan empat orang sebagai tebusan dan membunuh dua daripada tebusan itu sebelum kesemua 27 anggota kumpulan itu yang bersembunyi di situ menyerah diri kepada pasukan keselamatan pada 6 Julai.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata kerajaan telah mendapat fakta-fakta mengenai hubungkait Pas dengan kumpulan Al-Ma'unah itu.

"Sebenarnya Amin (Mohamed Amin Mohd Razali, ketua kumpulan Al-Ma'unah) ini datang daripada keluarga orang Pas, tinggal di kampung yang didominasi oleh Pas, semua keluarganya terdiri daripada orang Pas dan jelas sekali bahawa dia terpengaruh dengan pendapat Pas," katanya.

Dr Mahathir berkata, tindakan yang diambil oleh Mohamed Amin adalah disebabkan perasaan benci dan marah kepada Umno dan kerajaan serta berniat untuk menjatuhkan kerajaan secara kekerasan.

Beliau berkata, Majlis Tertinggi dalam mesyuaratnya malam ini memberi penjelasan kepada kesemua anggotanya mengenai kejadian di Sauk dan kumpulan Al-Ma'unah itu dan mereka akan menjelaskan isu itu kepada orang ramai.

Mengenai tuduhan kononnya kejadian di Gerik dan Sauk itu adalah sandiwara Umno, Perdana Menteri berkata ia adalah tidak munasabah sama sekali.

"Kita mendapati bahawa fakta-fakta yang digunakan oleh mereka ialah kononnya tentera yang pergi ke kem ini mereka berjanggal, dengan itu tidak mungkin mereka nampak macam askar tetapi kita mendapat maklumat bahawa mereka memang cukur janggut, tidak ada janggut," katanya.

Kerajaan juga mendapat maklumat bahawa sebelum percubaan untuk merampas senjata api, sebahagian daripada anggota kumpulan Al-Ma'unah berada di Jenalek sebagai pangkalan mereka dan hanya sebahagian daripada mereka yang memakai pakaian seragam celoreng tentera pergi ke kem tentera.

Beliau berkata, sebahagian daripada anggota kumpulan itu telah keluar dari Jenalek untuk menimbulkan huru-hara dengan menggunakan senjata menembak ke arah kilang Carlsberg dan kuil.

"Ini nampak betul-betul terancang dan tuduhan kononnya ini dirancang oleh kerajaan sama sekali tidak munasabah," katanya.

Dr Mahathir yang menemui tebusan yang selamat Sarjan Mohamed Shah Ahmad semalam, mendapat maklumat bahawa anggota polis itu turut diseksa oleh kumpulan penjenayah itu selain Sarjan R. Sagadevan dan Prebet Mathew anak Medan, yang diseksa dan dibunuh oleh kumpulan itu.

"Dia (Mohamed Shah) diikat di pokok, pada malam pertama terpaksa berdiri tidak boleh duduk, tidak boleh tidur, diacu dengan senapang, ditembak dekat dengan telinganya sehingga telinga kanannya bengang sekarang, kurang dengar.

"Beberapa kali ditunjuk bahawa ini adalah peluru, masukkan peluru dalam senjata dan acu untuk nak tembak dia," katanya.

Perdana Menteri berkata, walaupun Mohamed Shah dan seorang lagi tebusan tidak dibunuh, tetapi pada masa itu Mohamed Shah percaya bahawa dia juga mungkin akan dibunuh, dalam ketakutan dan diminta gali lubang untuk masuk ke dalamnya kononnya untuk ditanam di situ.

"Ini bukan soal sandiwara, orang yang berkata ini sandiwara Umno memangpun percaya bahawa mereka bersalah, sebab itu mereka cuba menangkis awal-awal lagi, sehari selepas kejadian ini, Nik Aziz (Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, Mursyidul Am Pas) sudah bercakap berkenaan dengan sandiwara Umno," katanya.

Kenyataan Nik Abdul Aziz itu kini disambut baik oleh para penyokong Pas seperti sambutan terhadap kenyataannya dahulu bahawa Tuhan mencarut.

Persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh pembangkang seperti kenapa pos tentera di Sungai Rui tidak memberi isyarat kepada kem tentera tentang kejadian rompakan senjata dan tidak mungkin sejumlah besar senjata api boleh dimuatkan dalam tiga buah kereta pacuan empat roda Pajero adalah alasan-alasan bagi mengelirukan orang ramai.

Katanya, pos tentera itu tidak dapat menghubungi kem tentera terbabit kerana radio alat perhubungan mereka telah diambil oleh para perompak itu sementara ketiga-tiga kenderaan itu memang boleh memuatkan semua senjata itu serta membawa orang lagi.

Perdana Menteri juga berkata kertas putih mengenai kejadian di Sauk akan dikeluarkan secepat mungkin.

Ketika ditanya sama ada kerajaan akan mengharamkan kumpulan Al-Ma'unah, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengkaji dengan teliti untuk mendapat bukti-bukti yang kukuh sebelum mengambil tindakan selanjutnya.

Beliau berkata kerajaan juga akan mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa yang sengaja menuduh polis dan tentera bersandiwara kerana ia akan menyebabkan rakyat kurang yakin kepada pasukan keselamatan.

-- BERNAMA

AFY FAZ